



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	10/10/2019	MUKA SURAT	:	23
JABATAN	:	IWK			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Lubang kumbahan lokasi budak maut tangki persendirian

Ipoh: Tangki kumbahan lokasi kejadian kanak-kanak berusia tiga tahun yang maut selepas dipercayai terjatuh ke dalam lubang berkenaan adalah jenis tangki septik komunal (persendirian) untuk penduduk di kawasan Kuarters Balai Polis Pasir Puteh, Ipoh.

Indah Water Konsortium (IWK) Sdn Bhd

dalam kenyataannya menjelaskan, kejadian itu di bawah siasatan pihak polis namun IWK sedia bekerjasama sekiranya diperlukan pihak berkuasa.

Jurucakap Jabatan Komunikasi Korporat IWK Sdn Bhd berkata, berdasarkan lawatan IWK ke tapak kejadian kelmarin, lubang kumbahan itu adalah tangki persendirian.